

# Harga beras tidak naik

Lima buruh cedera parah dipanah petir

**JOHOR BAHRU, Selasa** — Lima orang pekerja buruh kontrak cedera parah dipanah petir ketika hujan lebat di sini petang semalam.

Mereka ialah Zaid Tulus, 33 tahun, Ngarifi Wan, 16 tahun, Muri Hassan, 80 tahun, Samad Sebar, 27 tahun dan Abu Ali, 26 tahun.

Mereka dimasukkakan ke Hospital Besar di sini dilaporkan dalam keadaan teruk.

## Kerajaan akan tampung kenaikan kos—Mahathir

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan hari ini bahawa harga beras tidak akan naik.

Tegasnya, Kerajaan akan memberi subsidi untuk menampung kenaikan kos pengeluaran beras yang dihadapi oleh para pengilang beras di negara ini tanpa menyusahkan rakyat.

Beliau memberi jaminan tersebut ketika diminta mengulas memorandum Gabungan Persatuan-Persatuan Pengilang Beras Semananjung baru-baru ini.

Dalam memorandum tersebut, gabungan itu meminta Kerajaan menaikkan harga beras berikutan dari kenaikan harga \$2 bagi sepekul padi di bawah harga minima yang dijamin oleh Kerajaan.

Mereka berkata, kenaikan harga padi sekarang telah menambahkan lagi kos pengeluaran beras mereka.

"Kerajaan tidak akan membenarkan sebarang kenaikan harga beras tetapi akan memberi subsidi untuk menampung kenaikan kos pengeluaran para pengilang beras di negara ini," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir.

### Membekal

Menurutnya harga padi sekarang ialah \$32 sepekul bagi gred A. "Kerajaan telah menyediakan lebih \$1 bilion untuk memberi subsidi kepada beberapa jenis barangan termasuk beras".

"Katanya, dengan penyediaan subsidi itu nanti, harga beras tidak akan dinaikkan.

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia pada dasarnya beres-tesu membekalkan minyak mentah ke Thailand untuk membantu negara itu mengatasi

masalah kekurangan minyak di bawah perjanjian kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN.

Katanya, Malaysia menghasilkan 317,000 tong minyak sehari dan hanya memerlukan 130,000 tong untuk kegunaan sendiri.

Malaysia akan menjual minyak mentah ke negara-negara lain sekiranya dapat menghasilkan minyak yang lebih "dan mengurangkannya bila terdapat kekurangan hasil bahan tersebut," tambahnya.

Katanya, Malaysia juga menapis minyak mentahnya di Singapura dan Hawaii.

Tambahnya, tempat-tempat penapis minyak mentah ini tidak menjadi masalah besar kerana kebanyakan kilang penapis minyak di dunia kekurangan bekalan minyak dan bersedia menapis minyak dari negara ini.

### Penuh belah

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, keadaan Indochina sangat membinasakan Malaysia kerana pertempuran yang berterusan di Kampuchea dan bahaya sengketa serta permusuhan itu merebak ke tempat-tempat lain.

Beliau lalu mengulangi seruan negara-negara Asean supaya diundurkan segera askar-askar asing dari Kampuchea.

Berucap di majlis jamuan makan malam meratakan Timbalan Perdana Menteri New Zealand yang sedang melawat Malaysia, Kenick Brian Talboys dan isteri, di sini, malam tadi, Dr. Mahathir menegaskan pentingnya kuasa-kuasa yang berada di Kampuchea memberi kemudahan menyalurkan segera bekalan bantuan kepada rakyat Kampuchea yang menderita.

"Apa yang berlaku di Kampuchea bukanlah satu isu politik lagi, tapi semata-mata keperluan peri kemanusiaan."

Bahan asal dari Artikel Negara Malaysia